

10 MAY 1997

LAPORAN MINGGUAN KLCI

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Kontrak hadapan Indeks Komposit yang diniagakan di Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (Kloffe) dijangka bergerak dalam julat yang kecil.

Kebanyakan peniaga menyatakan bahawa para pelabur dijangka mengawasi prestasi indeks Dow Jones di Wall Street sungguhpun pergerakan di pasaran hadapan tidak semestinya mengikut aliran tersebut.

Indeks Komposit di pasaran tunai sudahpun menghasilkan corak yang bebas daripada pergerakan di Wall Street, kata seorang penganalisis.

Oleh yang demikian, para pelabur akan terus bersikap berhati-hati terhadap sentimen lembap kerana indeks tunai dijangka turun-naik menjelang cuti dua bulan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mulai pada 19 Mei ini.

Dalam minggu ini, peniaga menyatakan sentimen pasaran agak lembap dengan kegiatan belian dan jualan dikesan di sana sini.

Sementara itu, kontrak hadapan Mei meningkat 14.9 mata kepada 1,099.6 dan kontrak hadapan Jun naik 15.0 mata kepada 1,103.6.

Sejumlah 4,080 kontrak diniagakan minggu ini berbanding dengan 5,218 kontrak minggu lalu.

Indeks Komposit di pasaran tunai ditutup 9.41 mata lebih tinggi kepada 1,107.37.

Wakil HLG Futures menyatakan secara teknikal indeks tunai dijangka diniagakan antara tahap 1,080 dan 1,115.

Ia juga menasihati pelabur supaya berurus niaga dengan berhati-hati apabila arah aliran menurun. -- BERNAMA

JR MA